KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PTG PERAK			

Sabtu 11.12.2021 | Harian Metro

18

80% diskaun tanah 160 kampung baharu

Ipoh: Kerajaan negeri menetapkan diskaun 80 peratus kadar premium tanah pajakan kepada 160 kampung baharu yang wujud sejak zaman darurat Tanah Melayu bermula 1950-an.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, diskaun itu terpakai untuk pemilik terakhir tanah yang memohon pembaharuan manakala diskaun 75 peratus daripada kadar premium asal pula diberikan kepada waris pemilik terakhir tanah yang memohon pembaharuan.

"Ini dijelaskan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil 4/2019 berkaitan Penyelarasan Kelayakan Individu Yang Dibenarkan Membuat Permohonan dan Pemberian Diskaun 80% Daripada Kadar Bayaran Premium Bagi Permohonan Pembaharuan Dan/Atau Perlanjutan Tempoh Pajakan Tanah dalam Kawasan Kampung-Kampung Baru.

"Premium dijelaskan selepas kelulusan pemberimilikan tanah atau kelulusan permohonan pembaharuan tempoh pajakan tanah diperoleh mengikut kadar premium ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Tanah Negeri Perak.

"Daripada penetapan ini, kadar premium dikenakan adalah munasabah dengan diskaun diberikan namun kerajaan negeri bersedia menimbangkan permohonan rayuan pengurangan premium kepada individu benar-benar layak dan memerlukan seperti digariskan dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Bil.3/2020," katanya.